

05/05/2000

Seruan PM iringi pemain

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melahirkan keyakinan skuad Piala Thomas dan Uber negara mampu mendaki puncak kegemilangan dalam kempen piala berprestij itu minggu depan sekiranya memiliki semangat melawan kental.

"Kita rakyat Malaysia sering beranggapan tidak mampu melakukan sesuatu yang sukar.

"Tetapi, saya yakin kamu (pemain) pasti mahu menunjukkan kepada dunia bahawa kita boleh melakukannya (memenangi Piala Thomas), terutama dengan semangat 'Malaysia Boleh'," katanya dalam majlis makan malam di Sri Perdana, Putrajaya, malam kelmarin.

Turut hadir, penaung Persatuan Badminton Malaysia (BAM), Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein dan wakil-wakil penaja.

Menurut Dr Mahathir, sebagaimana harapannya, rakyat Malaysia turut berharap skuad kali ini mampu melakar kegemilangan dalam saingan yang bermula Khamis ini di Stadium Putra, Bukit Jalil.

"Jika kamu menjuruskan tumpuan, mempamerkan disiplin tinggi dan menjalani latihan bersungguh-sungguh, saya yakin kejayaan akan mengiringi perjuangan kamu.

"Bagaimanapun, jangan sekali-kali mempersoalkan sistem latihan yang diterapkan jurulatih. Sekiranya kamu mula mempersoalkannya, sudah pasti kamu akan hilang tumpuan," katanya.

Sementara itu, ketua pasukan, Rashid Sidek, berkata kata-kata perangsang Perdana Menteri harus mencetuskan keyakinan kepada pemain dalam memburu kegemilangan dalam kejohanan itu.

"Kami berjanji akan mempamerkan permainan terbaik seiring dengan harapan yang diberikan. Sudah pasti kami akan berusaha untuk memastikan semua pihak yang memberi sokongan tidak kecewa," katanya.

(END)